

**ANUGERAH  
KECEMERLANGAN INOVASI  
PENGAJARAN &  
PEMBELAJARAN**

# **AKIPP 2020**



## **PPST MENYUMBANG PENYERTAAN PALING RAMAI**



PENULIS  
**MEGAWATI M.Y**

PENYUNTING  
**SURIANA L**  
**Pusat Persediaan Sains & Teknologi (PPST)**

Disember 2020 - PPST menyahut cabaran universiti dengan memberikan komitmen penuh menyertai pertandingan yang diseliakan oleh pihak UMS. Seramai 10 penyertaan dari 5 kursus utama di PPST telah mengikuti pertandingan anjuran Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Kualiti Akademik (PKPKA). Antara kursus yang terlibat adalah kursus Biologi, Kimia, Fizik, Matematik dan Bahasa Inggeris. 5 penyertaan telah berjaya memasuki pusingan akhir.

Pasukan Fizik telah dinobatkan sebagai juara pertandingan bagi kategori Pembelajaran Imersif yang diketuai oleh Cik Elnethra Folly Eldy dan juga mendapat tempat ketiga bagi kategori Pentaksiran Alternatif yang diketuai oleh Puan Siti Nazirah Butai. Bagi pasukan Kimia dan Bahasa Inggeris pula telah berhasil meraih tempat kedua bagi kategori Pengalaman Pembelajaran Imersif dan Pentaksiran Alternatif, masing-masing diketuai oleh Puan Megawati Mohd Yunus dan Cik Nur Anneliza Abd Latip. Pasukan Biologi juga tidak ketinggalan meraih tempat ketiga bagi kategori Pembelajaran Imersif. Pasukan ini diketuai oleh Dr. Sitty Nur Syafa Bakri.

Menurut pihak penganjur PKPKA, penyertaan tahun 2020 merupakan perintis bagi acara ini. Pihak penganjur begitu berbesar hati dengan keterlibatan pihak PPST pada kali ini yang telah menyumbang penyertaan paling ramai dalam menyahut cabaran AKIPP 2020. Medium sebegini menjadi wadah yang sangat berguna bagi meluaskan pengetahuan berkaitan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dalam kalangan pensyarah di UMS khasnya. Seiring dengan ini, begitulah harapan besar pensyarah PPST mengikuti program ini agar dapat menimba pengalaman serta bertukar fikiran mengenai kaedah P&P dari pelbagai fakulti di UMS.



CERTIFICATE OF  
**COMPLETION**